

UUM ONLINE: Seramai 200 peserta menyertai Kongres Koperasi Siswa Kebangsaan (KORSISWA) selama dua hari yang bermula hari ini (Jumaat) hingga esok di Pusat Pembangunan Eksekutif EDC UUM.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UUM, Prof. Dr. Abdul Razak Saleh merasmikan kongres pertama yang disertai oleh 14 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPT).

Berucap di majlis itu beliau melahirkan rasa kebimbangan dengan laporan tentang kebolehpasaran graduan yang menunjukkan *trend* yang agak membimbangkan kerana tidak memperoleh pekerjaan yang setimpal dengan kelulusan mereka.

Namun dalam masa yang sama beliau gembira dengan langkah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang telah merancang secara khasnya berhubung dengan Pembangunan Keusahawanan di IPT yang merangkumi tiga institusi iaitu Universiti, Politeknik dan Kolej Komuniti.

Prof. Dr. Abdul Razak berkata, dalam Model Ekonomi Baru (MBE) yang telah di lancarkan oleh Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berdaya saing pada tahun 2020 telah memberi penekanan untuk menjana ekonomi berpendapatan tinggi di kalangan rakyat justeru bidang Keusahawanan ini telah dijadikan antara agenda utama untuk mencapai hasrat itu.

Manakala kalangan siswa pula dikaitkan sebagai aset yang amat penting untuk memajukan ekonomi negara kerana mereka ini adalah penggerak dan peneraju utama baik disektor kerajaan maupun swasta.

Oleh itu langkah yang telah diusahakan oleh KPT, Majlis Keusahawanan Mahasiswa Universiti-universiti Malaysia ((MAKMUM), ANGKASA dan tuan rumah UUM melalui Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) menganjurkan kongres seperti ini amat kena pada tempatnya.

Menyentuh mengenai kajian pengesanan yang dilaksanakan oleh KPT menunjukkan sebahagian besar graduan yang tidak mendapat pekerjaan selepas enam bulan bergraduasi mempunyai kelemahan yang ketara dalam kemahiran insaniah terutama dikalangan bumiputera dalam mendapatkan pekerjaan terutamanya sektor swasta beliau berkata isu berkaitan boleh diatasi jika mereka diterapkan dengan nilai Keusahawanan melalui program-program yang terancang dan sistematik.

"Melalui penerapan nilai-nilai Keusahawanan yang dijalankan pastinya akan lahirkan atribut-atribut usahawan seperti kreatif, fleksibel, kemahiran berkomunikasi, sabar, proaktif, kerja kuat dan mengambil risiko nilai tambah kepada ilmu yanag diperolehi,"katanya ketika berucap di majlis itu.

Sementara itu Setiausaha kehormat MAKMUM yang juga Pengarah CEDI, Dr. Mohd Azlan Yahya, ketika menyampaikan ucapan aluannya berkata, kongres pertama ini disertai oleh 200 Anggota Lembaga KORSISWA yang terdiri daripada pelajar dari 14 IPT.

Dalam pada itu beberapa pelajar dari IPT yang menyertai kongres ini berharap KORSISWA yang ditubuhkan ini akan mengamit lebih ramai siswa untuk menyertainya.

Abdul Hakim Abdul Ghani, 23, siswa dari Universiti Malaya (UM) berkata, dengan adanya KORSISWA ini akan memberi peluang kepada kalangan siswa untuk merebut peluang bagi menceburkan diri dalam bidang Keusahawanan.

Manakala Muhammad Azri Amirurudin, 20, daripada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yakin pembabitan siswa dalam Koperasi ini akan memberi keuntungan kepada mereka.

"Saya melihat selalunya pelajar tidak berminat untuk menyertai sebagai anggota Koperasi tetapi sekiranya mereka diberi pendedahan dan maklumat pastinya mereka akan merebut peluang yang ditawarkan," kata pelajar dari Kolej Komuniti Bandar Darul Aman Jitra, Kedah.

Majlis turut diserikan dengan pelancaran Program Inkubator Usahawan Siswa yang di sempurnakan oleh Prof. Dr. Abdul Razak Saleh.

Turut hadir ialah Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Keusahawanan KPT Dr. Syahirah Hamidon dan Pengurus Umum ANGKASA Nasir Khan Yahaya.

Habis.

=====

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT